


Penjenayah cilik kejam

H.M 22/02/09 M1510

Bunuh rakan sebaya dengan cara menderanya serta mengikatnya di landasan kereta api



Profil

NAMA MANGSA: James Patrick Bulger

USIA: 2 tahun

LAHIR: 16 Mac 1990 di Liverpool, Lancashire, England.

FAKTA KES: Dalam kejadian pada 12 Februari 1993, Bulger menjadi mangsa culik dan bunuh dua penjenayah cilik berusia 10 tahun, Jon Venables dan Robert Thompson, ketika ibu kanak-kanak itu membawanya membeli-belah di pasar raya New Strand.

>>Susuritan **FUAD HADINATA YAACOB**

hadinata@hmero.com.my

USIA mereka baru 10 tahun, namun dalam usia sementah itu sudah bergelar penjenayah. Lebih mengejutkan, kekejaman dilakukan pasangan penjenayah cilik itu sangat kejam dan mengerikan.

Itu gambaran mengenai jenayah yang dilakukan dua sahabat, Jon Venables dan Robert Thompson ke atas rakan sebaya yang juga berusia 10 tahun, James Patrick Bulger.

Dalam kejadian pada 14 Februari 1993 di Bootle, Liverpool, England, mayat Bulger ditemui terputus dua akitat digilis kereta api.

Sebelum itu, mangsa teruk didera, disiksa selain mengalami penderaan seksual. Dilaporkan ada 42 kesan luka di bahagian muka, badan dan kepala.

Antara seksaan yang dialami, Bulger dibaling dan dipukul dengan batu dan besi, ditendang, dilempar cat dan kasut serta bateri bersaiz kecil dimasukkan ke dubur

Thompson, mereka berlagak seperti tiada apa berlaku, malah pulang ke rumah dalam keadaan gembira dan ceria.

Dalam satu laporan menyatakan kejadian itu berlaku dalam tempoh empat jam selepas dia diculik di pusat beli-belah New Strand pada 12 Februari 1993 sebelum ditemui di landasan kereta api Bootle, dua hari kemudian.

Bulger diculik ketika dia bersama ibunya, Denise yang ketika itu membeli daging. Kejadian itu tidak disedari sesiapa, tetapi berjaya dirakam kamera litar tertutup (CCTV) pusat beli-belah berkenaan.

Bulger dibawa sejauh empat kilometer dari lokasi dia diculik. Sepanjang perjalanannya, ada saksi mendakwa mangsa dipukul, ditendang di perut dan ditampar. Di satu terusan, mangsa ditolak sehingga terjatuh yang menyebabkan dahi serta mukanya cedera.

Dalam satu program televisyen melaporkan, kanak-kanak itu dilihat sekurang-kurangnya 38 orang yang menyatakan ada ketika



PENJENAYAH CILIK...

Jon Venables (kiri) dan Robert Thompson

RAKAM...rakaman CCTV menunjukkan bagaimana Bulger dibawa lari daripada ibunya.

HUKUMAN: Venables dan Thompson didakwa atas tuduhan membunuh Bulger namun disebabkan mereka di bawah umur, mahkamah menjatuhkan hukuman kedua-duanya diarah menjalani pemulihan selama 10 tahun.

dan mulutnya.

Selepas melalui detik memeritkan, Bulger yang ketika itu masih bernyawa diletakkan di landasan kereta api, malah bongkah batu turut diletakkan di kepalanya bagi mengelak mangsa menyelamatkan diri.

Selepas melakukan jenayah, sama ada Venables atau

mereka gembira, ketawa dan juga bertindak ganas.

Setibanya di stesen kereta api di Bootle, bermulalah penderaan kejam ke atas mangsa. Seorang daripada mereka mencampakkan tin cat berwarna biru mengenai muka Bulger.

Kemudian, mangsa dibaling batu, besi, ditendang,

ditumbuk dan diketuk dengan objek keras. Bulger turut dibogelkan sebelum diikat dan diletakkan di atas landasan kereta api dengan tujuan kejadian itu dilihat seperti satu kemalangan.

Laporan kehilangan Bulger dibuat, namun pihak berkuasa gagal menemui mangsa sehingga kemalangan yang berlaku di landasan kereta api Bootle dilaporkan.

Pakar patologi yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat mangsa mendapati kanak-kanak malang itu menemui ajal sebelum dia digilis kereta api.

Sementara itu, dilaporkan selepas selesai 'tugas' berkenaan, Venables dan Thompson pulang ke rumah masing-masing seperti biasa. Pada hari itu, mereka berdua ponteng sekolah dan kemudian merancang ke pusat beli-belah New Strand.

Di sekolah, kedua-duanya

terkenal sebagai kaki ponteng, selain sering terbabit dalam masalah disiplin. Venables misalnya suka mengganggu pelajar lain dan tidak suka duduk di dalam kelas, sementara Thompson yang agak pendiam suka menipu dan mengambil kesempatan ke atas orang lain.

Sehari sebelum menculik Bulger, Venables dilaporkan bertindak ganas terhadap diri sendiri apabila menghantuk kepala ke meja dan kerusi, menendang dinding dan meniarap di lantai.

Selain itu, dia juga suka menjerit, membaling objek ke arah rakan, berdiri atas meja dan mengganggu rakan lain dengan mengoyakkan buku mereka.

Dilaporkan, Venables bersikap demikian akibat kehidupan keluarganya yang tidak tenteram.

Ibu dan bapanya, Susan dan Neil Venables pernah be-


berapa kali berpisah selain kerap bergaduh.

Ketika usia Venables tujuh tahun, dia menunjukkan sikap tidak suka bergaul, menjadi mangsa buli dan kerap bertukar sekolah akibat persengketaan ibu dan bapanya.

Begitupun, dalam kes Bulger, ada laporan menyatakan pengaruh filem 'Child's Play 3' mempengaruhi tindakannya. Dalam filem itu, ada patung bernama 'Chucky' yang mempunyai kuasa jahat melakukan pembunuhan bersiri dengan menyembelih mangsanya.

Patung itu digambarkan sebagai watak jahat yang berjaya dihapuskan wira pada penghujungnya. Mungkin Bulger dianggap sebagai watak jahat dalam cerita itu yang perlu dihapuskan.

Seperti Venables, Thompson juga melalui episod hitam dalam hidupnya. Ka-



BAWA... keranda Bulger diberi penghormatan terakhir sebelum disemadikan.